

07 AUG 2002

AUDIT-RAZALI/I

K'JAAN PATUT DENDA SYARIAKT AUDIT KERANA "PENGAUDITAN KREATIF"

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kerajaan patut menimbangkan untuk mendenda syarikat-syarikat audit atau perakaunan dan pelanggan-pelanggan mereka kerana bertindak "secara perakaunan kreatif" atau mengeluarkan laporan audit yang mengandungi kesilapan-kesilapan dalam usaha mengatasi kekurangan ketelusan kewangan dan tadbir urus korporat di Malaysia.

Sekiranya tidak dibendung, penyelewangan seumpama itu boleh menjejaskan para pelabur dan mengujudkan sistem kewangan dan ekonomi yang tidak menentu, kata Tan Sri Razali Ismail, duta khas Bangsa-bangsa Bersatu ke Myanmar dan penasihat khas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya kerajaan patut menimbang mengharamkan firma-firma perakaunan yang menjalankan kerna bukan audit dan menghukum dagangan dalaman dengan hukuman penjara yang keras.

Beliau berkata syarikat-syarikat pengauditan tidak harus memainkan peranan perunding dan juruaudit kerana ia akan menyebabkan percanggahan kepentingan.

"Kita di Malaysia mestilah jujur untuk menerima hakikat bahawa sesetengah syarikat kita dan firma Asia lain perlu meningkatkan tadbir urus korporat dan pertanggung jawaban kewangan yang beretika," katanya semasa menyampaikan ucap tama pada seminar mengenai "Paradigma Perniagaan baru" di sini hari ini.

Razali berkata kerajaan juga boleh mewajibkan juru-juru audit yang diupah syarikat-syarikat untuk digilir-gilirkan, memperkenalkan kursus-kursus tadbir urus korporat dan program analisis kewangan yang beretika bagi semua pengarah syarikat.

Katanya Kementerian Pendidikan patut menimbangkan untuk memperkenalkan kelas-kelas dalam etika sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah.

Razali berkata arasuah terus menghantui firma-firma Asia termasuk syarikat-syarikat Malaysia dan menambah bahawa kajiselidik Pejabat Audit Kebangsaan China mendapati bahawa 14 daripada 16 firma perakaunan telah mengeluarkan laporan "yang dipalsukan dengan serius) bagi pihak pelanggan-pelanggan mereka.

Beliau juga berkata terdapat keperluan segera untuk membuat perundangan mengenai peranan bebas pengarah bebas.

"Pengarah-pengarah bebas bercakap bagi kepentingan lebih luas pemegang-pemegang saham lain, iaitu daripada pekerja kepada pemegang saham. Malangnya, mereka dilantik mengikut kehendak pengerusi-pengerusi syarikat lain iaitu daripada pekerja kepada pemegang saham. Malangnya, merekadilantik mengikut kehendak pengerusi-pengerusi-syarikat dan tidak mampu memainkan peranan bebas mereka," katanya.

Beliau menyebut syarikat-syarikat skandal, membabitkan gergasi korporat di Amerika Syarikat seperti Enron, Global Crossing, Tyco, Qwest, WorldCom., Clone, Martha Stewart Living dan mesin penyalin Xerox -- yang mengakui bahawa keuntungan korporat tidak pernah wujud dan perolehan telah disalah lapor secara berlebihan.

Ia dilakukan supaya menjadikan ekuiti-ekuiti mereka masing-masing menjadi menarik bagi para pengurus dana, individu dan pelabur-pelabur global, katanya.

Razali berkata akibat ketidak pastian perakaunan dan "perakaunan menyeleweng", terdapat kebimbangan besar dan kekurangan keyakinan dalam melaporkan keuntungan korporat oleh syarikat-syarikat audit.

Katanya kerakusan korporat dan penipuan secara besar-besaran tidak

boleh dikawal dengan disiplin pasaran tetapi dengan kawal seliaan negara yang ketat.

Razali berkata bahawa apa yang pasti dan isu yang mesti ditanggung oleh kerajaan dan sektor swasta ialah bahawa memperbaiki standard perakaunan dan pelaporan dan tadbir urus korporat akan menarik pelabur-pelabur asing dengan banyaknya ke rantau ini. -- BERNAMA

DC KTC OS